

**ABSTRAK: siti fadhilah\_kmkt**  
**TAHAP KEFAHAMAN PENSYARAH KIMIA TERHADAP RUBRIK**  
**PENTAKSIRAN TUGASAN PELAJAR KOLEJ MATRIKULASI**  
**KELANTAN**

<sup>1</sup>Siti Fadhilah binti Ayub, <sup>2</sup>Siti Sarah binti Saifullah, <sup>3</sup>Muhammad bin Seman, & <sup>4</sup>Khairul Aswari  
bin Ab. Rahman

Unit Kimia, Kolej Matrikulasi Kelantan

<sup>1</sup>[sitifadhilah@kmkt.matrik.edu.my](mailto:sitifadhilah@kmkt.matrik.edu.my), <sup>2</sup>[sitisarah@kmkt.matrik.edu.my](mailto:sitisarah@kmkt.matrik.edu.my)

<sup>3</sup>[muhammad@kmkt.matrik.edu.my](mailto:muhammad@kmkt.matrik.edu.my) & <sup>4</sup>[aswari@kmkt.matrik.edu.my](mailto:aswari@kmkt.matrik.edu.my)

**ABSTRAK**

*Pentaksiran tugas pelajar bagi mata pelajaran kimia menyumbang kepada 15% markah penilaian berterusan (PB) yang diadakan bagi kursus yang diikuti. Tujuan pentaksiran ini adalah untuk melihat pencapaian objektif kursus dan menilai tahap pengetahuan serta kemahiran yang telah dikuasai oleh pelajar pada akhir program. Ia dilaksana berpandukan rubrik yang telah dicadangkan oleh Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM). Namun sejauh mana pensyarah kimia Kolej Matrikulasi Kelantan (KMkt) memahami rubrik pentaksiran yang telah dibekalkan tersebut. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman pensyarah kimia terhadap rubrik pentaksiran tugas pelajar di KMkt dan mengenal pasti perbezaan tahap kefahaman pensyarah terhadap rubrik pentaksiran tugas pelajar di KMkt berdasarkan demografi (gred perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan tahap pendidikan). Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan 33 orang pensyarah kimia dengan menggunakan satu set soal selidik yang diadaptasi daripada William Irvin Sauser Jr. (1978). Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistical package for social science (SPSS) versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman pensyarah kimia terhadap rubrik pentaksiran adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.65. Ujian ANOVA sehala pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman pensyarah terhadap rubrik pentaksiran tugas pelajar berdasarkan gred, tempoh perkhidmatan dan tahap pendidikan tertinggi. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada BMKPM tentang tahap kefahaman pensyarah terhadap rubrik yang sedia ada supaya dapat ditambah baik bagi memantapkan kesahan dan kebolehpercayaan pemarkahan tugas pelajar pada masa akan datang.*

**Kata Kunci:** Rubrik, Pentaksiran dan kefahaman.